

PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH INSKEP BAGI BULAN MAC 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4734-perbarisan-pegawai-memerintah-inskep-bagi-bulan-mac-2019

TANJUNG BUNGAH, 28 Mac 19 - Insitut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM. Perbarisan yang diketuai oleh Ketua Penuntut JOC Siri 6/19, Kapt Shamie Hazim bin Samsu TUDM itu terdiri daripada Penuntut Kursus 'Junior Officer Course' (JOC) Siri 6/19, 'Basic Trainer Course' (BTC) Siri 263/19, anggota INSKEP dan Staf Awam.

Semasa perbarisan itu juga turut diadakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada Ketua Training Support Services INSKEP, Lt Ahmad Zarulhafiz bin Ahmad Zakaria TUDM yang dinaikkan pangkat ke pangkat Kapt TUDM.

Pegawai Memerintah juga telah menyampaikan Anugerah 'Airman Of The Month' INSKEP bagi bulan Mac kepada Sjn U Yusof bin Rosli, Anugerah Penembak Pistol Terbaik kepada F/Sjn Mahendra Rao a/l Subramaniam. Seterusnya, pemberian sumbangan anggota yang kematian waris, Kpl U Zamree bin Abdullah, sumbangan anggota yang baru melangsungkan perkahwinan iaitu LU I Shahidan bin Abd Rahim dan Anugerah Komitmen Terpuji kepada Puan Siti Nur Irdyana binti Azmi atas sumbangan terpuji dalam aktiviti BAKAT INSKEP penggal pertama 2019.



